

SIARAN MEDIA

TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI SANTUNI WARGA KOLEJ KOMUNITI KUCHING DALAM SESI SEGULAI SEJALAI

KUCHING, 16 SEPTEMBER - Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Mohammad Yusof Apdal menyantuni seramai 60 orang yang terdiri daripada Pengarah-pengarah politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak dan warga Kolej Komuniti Kuching (KKKG) pada sesi Segulai Sejalai bertempat di Dewan Serbaguna, KKKG, hari ini.

Lawatan ini bertujuan untuk YB Timbalan Menteri melihat sendiri keunikan dan kecemerlangan KKKG dalam meningkatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan budaya Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Malaysia khususnya di Negeri Sarawak.

YB Timbalan Menteri ketika berucap berkata, setiap Kolej Komuniti mempunyai fokus dan keistimewaannya tersendiri, di mana setiap kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat.

“Dalam menjayakan Ekonomi MADANI, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) boleh menyumbang dengan lebih berkesan, khususnya melalui pendekatan 4P iaitu Penyediaan bakat; Penyelidikan dan inovasi; Pemindahan dan Perkongsian ilmu dengan masyarakat; dan Pengantarabangsaan.

Ujarnya lagi, KPT melalui Kolej Komuniti berperanan besar dalam meningkatkan perkongsian ilmu dengan masyarakat apabila dibuktikan dengan pelaksanaan program PSH di Kolej Komuniti.

“Dalam aspek tersebut, Kolej Komuniti memainkan peranan yang penting sebagai hub perpindahan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu menambah pendapatan masyarakat setempat dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka,” katanya.

YB Timbalan Menteri turut meluahkan rasa kagum dan memberikan penghargaan terhadap program PSH yang ditawarkan di kesemua Kolej Komuniti Zon Sarawak.

“Program PSH merupakan usaha mendidik komuniti dalam bidang kemahiran dan secara langsung boleh mendorong mereka melibatkan diri dalam bidang keusahawanan,” katanya.

Tambah beliau, kerjasama dan sinergi antara pihak pengurusan dan warga pendidik adalah penting untuk memastikan kejayaan dan kelangsungan program-program yang ditawarkan termasuk dalam bidang TVET mahupun PSH. Ini kerana semua warga kerja ini terlibat secara langsung dalam pembangunan modal insan dan negara.

Terdahulu YB Timbalan Menteri memulakan lawatan beliau dengan melawat tapak pameran Unit Akademik, Unit Fesyen dan Pakaian serta lokasi pelaksanaan untuk kursus PSH.

Hadir sama pada sesi ini ialah Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari Ismail dan Pengarah KKKKG, Encik Sumbang Mandaw.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KOLEJ KOMUNITI KUCHING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

16 SEPTEMBER 2023